

# Mengenai KOD TATALAKU SBS

SBS merupakan sebuah perkhidmatan televisyen, radio dan media digital awam kebangsaan yang bebas dengan tanggungjawab kepada masyarakat Australia sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Piagam kami**. Kami dibiayai oleh pihak Kerajaan Australia dan hasil dana seperti pengiklanan.

Di serata pelusuk rangkaian saluran kami, kami berkongsi penceritaan, berita dan hal-ehwal semasa tempatan dan antarabangsa, sukan, drama antarabangsa dan dokumentari, sajian, filem Australia yang tersendiri, serta perkhidmatan radio tempatan di dalam lebih daripada 60 bahasa. Kami juga merupakan tempat kediaman bagi penceritaan First Nations (Bangsa-Bangsa Pertama), di mana National Indigenous Television (Televisyen Pribumi Kebangsaan) (NITV) menyampaikan program-program melalui sebuah lensa Pribumi.

Untuk memastikan agar kandungan kami memenuhi kehendak masyarakat, kami mempunyai Kod Tatalaku SBS (SBS Code of Practice), yang menggariskan peraturan-peraturan dan tahap-tahap kepiawaian bagi kesemua kandungan SBS biar mana jua pun anda mengaksesnya – pada televisyen, radio, dalam talian atau pada media sosial.

**Kod Tatalaku ini meliputi perkara-perkara penting seperti ...**



## KEYAKINAN

**Bagaimana kami menyampaikan kandungan yang boleh diyakini dan relevan**

- Kami membuat keputusan bebas mengenai kandungan kami.
- Kandungan berita dan hal-ehwal semasa kami ialah tepat, seimbang dan tidak berbelah bahagi, dan adalah di dalam kepentingan awam.
- Kami meliputi pelbagai bentuk pandangan dan perspektif yang komprehensif – kandungan kami boleh mengambil rupa bahan yang inovatif mahupun mencabar selain bersifat kontroversial dan provokatif.



## KETELUSAN

**Bagaimana kami membantu dalam memandu pilihan kandungan anda**

- Kami menyediakan maklumat supaya anda boleh memilih kandungan yang sesuai untuk anda, dan mana-mana kanak-kanak dan para pemuda dalam jagaan anda.
- Kami memastikan agar pengiklanan diasingkan daripada kandungan kami dan menetapkan peraturan-peraturan bagi penempatan sesetengah jenis pengiklanan.
- Bagi kandungan yang berpotensi untuk menimbulkan kegelisahan, kami akan mempertimbangkan khalayak yang bakal menontonnya, menerapkan keprihatinan, menyampaikan amaran dengan sewajarnya, dan hanya akan menayangkan bahan tersebut jika ia relevan dari sudut pengarangannya.



## HORMAT

**Bagaimana kami mengamalkan dan mempromosikan hormat**



- Kami mengelakkan kandungan yang mempromosikan prejudis dan diskriminasi termasuk penggunaan stereotaip yang tidak boleh dipertahankan, dengan mengambil kira konteksnya.
- Kami menyampaikan kandungan dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris dan menggalakkan pernyataan pelbagai bentuk rupa pandangan.
- Kami prihatin terhadap penyampaian isu-isu Pribumi (Indigenous) dan menghormati protokol-protokol kebudayaan orang-orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres (Torres Straits Islanders).
- Kami menghormati privasi orang, yang kami imbangi berpandukan tanggungjawab pelaporan kami.



## KEBERTANGGUNGJAWABAN

**Bagaimana kami bertanggungjawab**

- Kami menyediakan cara-cara bagi anda untuk menyampaikan maklumbalas mengenai kandungan dan perkhidmatan kami, sama ada pujian atau kritikan.
- Kami mempunyai sebuah proses bebas untuk menguruskan aduan di bawah Kod Tatalaku, yang disiasat oleh Ombudsman SBS.



Ketahui lanjut

[sbs.com.au/aboutus/sbs-code-of-practice](https://sbs.com.au/aboutus/sbs-code-of-practice)